

Rujukan Kami : ANM.PK.UPA/600-1/1/Jld.2 (3)
Tarikh : 23 Februari 2022

Semua Ketua Jabatan Persekutuan / Ketua Pusat Tanggungjawab

YBhg. Datuk / Dato' / Datin / Tuan / Puan,

PENGESAHAN BAKI KOD AKAUN UNTUK TUJUAN PENYEDIAAN KERTAS KERJA SOKONGAN LEJAR AKRUAN (PENUTUPAN AKHIR 31 DISEMBER 2021) BAGI PENYATA KEWANGAN KERAJAAN PERSEKUTUAN PRA-PERALIHAN TAHUN KEWANGAN 2021

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bagi tujuan penyediaan Kertas Kerja Sokongan (KKS) Lejar Akruan (Penutupan Akhir 31 Disember 2021) Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan (PKKP) Pra-Peralihan Tahun Kewangan 2021 oleh Pejabat Perakaunan, pihak YBhg. Datuk / Dato' / Datin / Tuan / Puan adalah diminta untuk membuat pengesahan baki bagi kod-kod akaun Pusat Tanggungjawab (PTJ) Pembayar yang berkaitan seperti berikut:

BIL.	ITEM PENYATA KEWANGAN	KOD AKAUN	LAMPIRAN PENGESAHAN BAKI	KAEDAH PENGHANTARAN
1.	ASET BUKAN KEWANGAN	A14* - A25*	C1	Manual (4 Salinan)
2.	PERBELANJAAN TERDAHULU ASET ¹	A053*	D2	Atas Talian (Sistem iAREF)
3.	INVENTORI ¹ (PTJ Inventori Sahaja)	A06* & A07*	C2	Atas Talian (Sistem iAREF)
4.	ASET BELUM BAYAR ¹	L013*	F1	Atas Talian (Sistem iAREF)
5.	AKAUN BELUM BAYAR GRN/ FRN TRANSIT ASET ¹	L0191103	F3	Atas Talian (Sistem iAREF)

¹ Hanya melibatkan beberapa PTJ sahaja.

3. Lampiran Pengesahan Baki KKS secara manual hendaklah disahkan oleh Ketua Jabatan dan dikemukakan kepada pihak kami secara "Hardcopy" (4 salinan) manakala penghantaran KKS atas talian perlu dimuatnaik dalam sistem iAREF (<https://iaref.anm.gov.my/>). Panduan Penyediaan dan Format Pengesahan Baki ini adalah seperti lampiran yang disertakan dan boleh dimuat turun dari pautan berikut :-

https://drive.google.com/drive/folders/106qXNQ_YYpkLM3CnqDIMbepLnmqkk9MW?usp=sharing

4. Di samping itu juga, PTJ adalah diminta untuk memuat naik, menyimpan "softcopy" dan "hardcopy" KKS untuk tujuan dokumentasi dan pengauditan pada masa akan datang. Untuk makluman, proses pengesahan baki oleh PTJ di sistem iAREF atau secara manual perlulah dikemukakan ke jabatan ini pada atau sebelum **28 Februari 2022**.

5. Sebarang pertanyaan berkenaan pengesahan baki hendaklah dirujuk kepada Unit Pengurusan Aset, JANM Negeri Perak di talian 05-246100. Perhatian dan komitmen pihak YBhg. Datuk / Dato' / Datin / Tuan / Puan untuk mematuhi panduan yang ditetapkan amatlah dihargai dalam memastikan pengesahan baki bagi penyediaan KKS Lejar Akruan (Penutupan Akhir 31 Disember 2021) untuk PKKPP Praperalihan Tahun Kewangan 2021 berjalan dengan lancar.

Sekian, terima kasih.

"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"Inovasi Digital Pemacu Prestasi Unggul"

Saya yang menjalankan amanah,



NOORAKMAR BINTI HUSSIN C.A.(M), CPA (Aust.)

Pengarah

Jabatan Akauntan Negara Malaysia Negeri Perak

Emel : pneg_prk@anm.gov.my

Tel : 05-2462101 / 05-2462115

Faks : 05-2411343